

# Menteri Besar nafi terima arahan Khairy

**R**EMBAU: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan menafikan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin pernah memberi arahan atau campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri seperti tohmahan pihak tertentu.

Katanya, beliau tidak pernah menerima sebarang arahan daripada menantu Perdana Menteri itu, sebaliknya meminta Khairy merancang program selaku Ketua Pemuda Umno bahagian Rembau.

"Saya tak ambil arahan daripada Khairy, kalau dia telefon, kami berborak... mengenai Umno, minta dia buat program dan kerja Pemuda. Lagipun, dia sibuk di Pusat," katanya.

Beliau mengulas jawapan Khairy kelmarin terhadap dakwaan sering menelefon menteri besar untuk memberi arahan atau campur tangan dalam urusan pentadbiran.

Naib Ketua Pemuda itu berkata, beliau tidak pernah menghubungi dan memberi arahan kepada pemimpin negeri yang disifatkannya sebagai perbuatan tidak masuk akal.

Di KUALA TERENGGANU: Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata beliau tidak pernah menerima sebarang arahan daripada Khairy selepas Barisan Nasional (BN) menawan semula Terengganu.

"Saya tidak pernah dihubungi Khairy apa lagi mengeluarkan arahan tertentu ataupun cuba mencampuri urusan pentadbiran kerajaan negeri...tapi tak tahulah Menteri Besar lain," katanya.

Idris berkata, kerajaan negeri dan BN juga tidak pernah membuat sambutan besar-besaran atau layanan VIP kepada Khairy yang datang ke negeri itu atas urusan parti.

Katanya, kerajaan negeri dan pucuk pimpinan parti hanya mengetahui kedatangan Khairy atas urusan parti selepas dimaklumkan Ketua Pemuda Umno negeri, Mohd Sabri Alwi.

"Kerajaan negeri tidak menyediakan kenderaan rasmi atau kereta kerajaan untuk Khairy, sebaliknya urusan itu dikendalikan Pemuda Umno. Khairy hanya ada menyampaikan salam kepada saya yang disampaikan Mohd Sabri," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yakob, berkata Khairy berhak menjawab secara terbuka segala tohmahan yang dilemparkan terhadapnya kerana 99 peratus dakwaan itu tidak benar.

Malah, beliau akan menemui Khairy bagi memberi pandangan untuk mengubah suai sedikit pendekatan jawapannya supaya

lebih berkesan.

"Khairy punyai hak untuk mengulas, dia pilih cara terbuka untuk mengulas, itu hak dia. Saya sendiri ada pandangan dan akan sampaikan kepada Khairy. Saya sudah beritahu kepada beberapa kawan ada cara yang pada saya perlu diubah suai sedikit," katanya.

Beliaujuga berkata, Khairy berhak membabitkan diri dalam perniagaan kerana adalah tidak masuk akal untuk menantu Perdana Menteri 'pergi Chow Kit Road bawa tempurung dan minta sedekah'.

Oleh Ahmad Naim Tahir, Wan Hazmir Bakar dan Baharom Bakar